

RIO 2016 - BATU ASAS KEJAYAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

MINGGUAN
MALAYSIA
21/8/2016
P. 7

MINGGUAN: Rio 2016, apa penilaian awal YB dalam aspek prestasi?

KHAIRY: Alhamdulillah kita mendapat satu pencapaian keseluruhan yang baik dan ini adalah hasil prestasi yang cemerlang oleh atlet dan bimbingan yang hebat daripada pasukan jurulatih kontinjen Malaysia

Kalau kita tidak membina sesuatu atas kejayaan di Rio, kita akan sia-siakan kejayaan di sini. Konteksnya mudah untuk pembaca *Mingguan Malaysia* fahami. Sebelum Rio, jumlah keseluruhan pingat dalam semua temasya Olimpik yang kita sertai (sejak 1956) adalah enam tapi di Rio, kita sudah ada lima pingat. Momentum sudah bermula dan kalau kita terlepas untuk membina atas momentum ini, ia satu kerugian yang besar.

Berdasar momentum yang baik, apa perancangan Kementerian selepas ini?

KHAIRY: Balik nanti kita akan buat kajian prestasi dalam setiap sukan, prestasi setiap atlet dan kita akan buat apa sahaja penambahan kepada Program Podium. Sebenarnya sasaran Program Podium adalah Sukan Olimpik Tokyo 2020 tetapi berdasarkan kepada prestasi yang baik di Rio ini, ada beberapa perkara yang mungkin kita ubah suai.

Walaupun Program Podium untuk Tokyo 2020, apa kesan awal kepada temasya di Rio?

KHAIRY: Memang sudah ada kesan tetapi tidak sepenuhnya dirasakan kerana ia baru bermula beberapa bulan lepas. Antaranya terhadap perancangan dari segi sokongan sains sukan oleh Institut Sukan Negara (ISN) dan lain-lain, itu datang daripada Program Podium.

Bagaimana dengan penyediaan atlet pelapis?

KHAIRY: Kita ada ramai atlet muda yang bersaing di Rio, Dhabitah (Nur Dhabitah Sabri-terjun) baru berusia 17 tahun dan dia dua kali layak ke final (10m platform individu dan 3m papan anjal seirama), dalam memana, dalam pelayaran, Welson Sim dalam renang. Ramai lagi yang tidak layak ke Rio dan kita akan ambil langkah demi langkah untuk persiapkan mereka.

Tahun depan ada program Kita Juara untuk Sukan SEA, kita akan cangkil pelapis dari sana, 2018 ada Sukan Asia dan Sukan Komanwel dan kemuncaknya adalah Sukan Olimpik Tokyo 2020. Insha-Allah kita tuai hasil di sana

Apa isyarat daripada sokongan rakyat Malaysia kepada atlet Olimpik kita kali ini?

KHAIRY: Sokongan mereka padu! Kalau ada pihak yang kata kita tak perlu belanja dan melabur untuk sukan lagi, saya akan jawab, antara satu-satunya perkara yang boleh menyatukan rakyat negara kita adalah sukan.

MUKADIMAH

MENTERI Belia dan Sukan, **KHAIRY JAMALUDIN** yang berada di Sukan Olimpik Rio 2016 sejak 10 hari lalu sudah beberapa kali menitikkan air mata kegembiraan sewaktu merayakan kejayaan atlet Malaysia.

Apabila berada di venue pertandingan, beliau membuang 'baju' menteri dan menjadi penyokong sukan yang fanatik. Gelagatnya cukup 'kecoh' menghidupkan suasana dan membangkitkan semangat. Apabila keadaan meruncing, dia juga turut terkenan menenangkan diri. "Saya pun dah terlebih stress sekarang sebab harapan seluruh negara

terletak di bahu kami (kontinjen Malaysia) di Rio," katanya dalam temu bual ringkas bersama wartawan *Mingguan Malaysia*, **SAIFUL HAIZAN HASAM** yang kini membuat liputan Sukan Olimpik Rio 2016 di Rio De Janeiro, Brazil. Sementara itu, wartawan **FADHILUL IZMEL ISHAK** berkesempatan menemubual jaguh trek basikal negara, **AZIZULHASNI AWANG** selepas atlet berusia 28 tahun itu pulang dari Rio De Janeiro.

Atlet kelahiran Dungun, Terengganu itu berjaya meraih pingat gangsa dalam acara final keirin lelaki Selasa lalu. Walaupun bertubuh kecil dengan ketinggian 166 sentimeter dan

berat 69 kilogram, pelumba yang mendapat jolokan *Pocket Rocketman* itu membuktikan pelumba Asia mampu bersaing dengan jaguh trek basikal dari Barat dalam acara tersebut.

"Waktu saya nak bermula, apabila orang tengok saiz badan saya yang kecil mereka pun cakap saiz kecil tidak boleh pergi jauh," kata Azizulhasni.



WAJAH-WAJAH WIRA NEGARA DI OLIMPIK RIO 2016

PELUMBA basikal elit negara, **Azizulhasni Awang** meraih pingat gangsa dalam acara Keirin, di Rio Olympic Velodrome, Rio De Janeiro, Brazil.

PASANGAN beregu campuran badminton negara, **Chan Peng Soon**, dan **Goh Liu Ying**, mendapat pingat perak, selepas tewas kepada beregu Indonesia, **Tontowi Ahmad**, dan **Liliyana Natsir**.

PEMAIN badminton nombor satu negara dan dunia, **Datuk Lee Chong Wei** sekali lagi terpaksa berpuas hati dengan pingat perak.



ATLET terjun negara, **Pandelesa Rinong Pamg**, dan **Cheong Jun Hong**, meraih pingat perak dalam acara 10 meter platform berirama pada temasya Sukan Olimpik Rio 2016, di Pusat Akuatik Maria Lenk.

- GAMBAR : MD.SHAHJEHAN

PASANGAN beregu badminton lelaki negara, **Goh Wei Shem**, dan **Tan Wee Kiong**, berjaya meraih pingat perak, selepas tewas menentang pemain China, **Fu Haifeng**, dan **Zhang Nan**, pada perlawanan akhir beregu lelaki di Riocentro, Pavilion 4.

MINGGUAN: Pingat di Olimpik merupakan dambaan setiap atlet. Boleh Azizulhasni kongsi perasaan apabila pertama kali dapat menyarung pingat?

AZIZULHASNI: Saya rasa bersyukur kepada Allah kerana semua ini tidak dapat dicapai tanpa ketentuan dari-Nya. Tidak ramai yang boleh menjadi Olympian (peserta Olimpik). Selain itu, daripada semua atlet Olimpik Malaysia yang boleh bergelar pemenang pingat di Sukan Olimpik. Jadi ini merupakan pengiktirafan yang besar buat diri saya.

Rio menjadi saksi berkibarnya **Jalur Gemilang** dalam sukan berbasikal buat julung kalinya. Mungkin di Sukan Olimpik 2020 Tokyo, **Azizulhasni** yakin lagu **Negaraku** pula akan berkumandang?

AZIZULHASNI: Saya yakin... saya yakin. Selepas temasya London 2012 saya yakin boleh naik podium di Sukan Olimpik Rio dan memang saya buktikan boleh dilakukan. Jadi walaupun tidak berada di tempat pertama tetapi sekurang-kurangnya tempat ketiga itu merupakan pencapaian yang amat membanggakan untuk saya dan rakyat Malaysia.

Jadi, saya percaya boleh lakukan lebih baik di Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan seperti John Beasley iaitu jurulatih saya katakan, banyak lagi aspek yang boleh dipertingkatkan.

Perancangan masa depan selepas tidak lagi bergelar atlet. Apakah **Azizulhasni** akan berada dalam arena berbasikal selaku jurulatih memandangkan pelbagai ilmu dan pengajaran diperoleh daripada **John Beasley**?

AZIZULHASNI: Untuk menjadi jurulatih itu tidak mungkin. Tetapi buat masa sekarang, saya tidak sedia untuk berkongsi perancangan jangka masa panjang saya. Namun mungkin saya akan terus melibatkan diri dengan sukan di Malaysia tapi lebih kepada mentor atau memberi galakan. Saya mahu memberi sesuatu kepada komuniti.

Azizulhasni telah membuktikan saiz bukan alasan dalam arena berbasikal trek. Boleh ceritakan mengapa anda berbuat demikian, mungkin sebelum ini pernah dipandang rendah daripada pencabar?

AZIZULHASNI: Semasa saya mula menceburi sukan ini memang ramai yang pandang rendah. Orang Melayu kan suka pandang rendah. Kalau apa-apa sahaja semua tidak boleh. Jadi saya nak tukar mentaliti itu kepada mentaliti yang kita boleh.

Malaysia boleh. Waktu saya nak bermula, apabila orang tengok saiz badan saya yang kecil mereka pun cakap saiz kecil tidak boleh pergi jauh. Saya cuba buktikan dan memang terbukti apa yang saya katakan adalah betul di mana saiz bukan penghalang untuk kita berjaya dalam sukan di peringkat tertinggi.

Saya harap ini menjadi inspirasi kepada semua bukan sahaja kepada anak muda tetapi ibu bapa agar memberi galakan kepada anak-anak

mereka untuk mengambil bahagian dalam apa sahaja acara sukan.

Tentang kontroversi dengan Menteri Besar Terengganu, Ahmad Razif Abdul Rahman. Kenapa minta bantuan kepada kerajaan negeri sedangkan Azizulhasni sebagai atlet kebangsaan boleh minta pertolongan terus dengan Kementerian Belia dan Sukan?

AZIZULHASNI: Minta maaf. Buat masa ini saya tidak boleh komen pasal menteri besar. Kita bagi isu itu reda terlebih dahulu. Beri peluang untuk kami berdua duduk berbincang bersama. Itu yang paling penting. Saya memang ada menghubungi beliau. Kemenangan ini kita raikan dan jadikan sebagai inspirasi.

Jadikan cerita untuk anak-anak, cucu-cucu kita nanti, insya-Allah. Biar kejayaan ini jadi bukti yang kita rakyat Malaysia di negara yang hanya ada dua velodrom tapi mampu berdiri di atas podium di Sukan Olimpik, sukan terbesar di dunia. Tiada sukan terbesar selain Sukan Olimpik.

PINGAT OLIMPIK MALAYSIA



BARCELONA 1992

- **GANGSA**
- » **RAZIF SIDEK DAN JALANI SIDEK**
Badminton (Beregu lelaki)

ATLANTA 1996

- **PERAK**
- » **CHEAH SOON KIT DAN YAP KIM HOCK**
Badminton (Beregu lelaki)

- **GANGSA**
- » **RASHID SIDEK**
Badminton (Perseorangan lelaki)

BEIJING 2008

- **PERAK**
- » **LEE CHONG WEI**
Badminton (Perseorangan lelaki)

LONDON 2012

- **PERAK**
- » **LEE CHONG WEI**
Badminton (Perseorangan lelaki)

- **GANGSA**
- » **PANDELELA RINONG**
Terjun (10m platform individu wanita)

RIO 2016

- **PERAK**
- » **LEE CHONG WEI**
Badminton (Perseorangan lelaki)
- » **CHAN PENG SOON DAN GOH LIU YING**
Badminton (Beregu campuran)
- » **GOH V SHEM DAN TAN WEE KIONG**
Badminton (Beregu lelaki)
- » **PENDELELA RINONG DAN CHEONG JUN HOONG**
Terjun (10m platform seirama wanita)
- **GANGSA**
- » **AZIZULHASNI AWANG**
Berbasikal (Keirin lelaki)